



TALKING POINTS

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN *MOBILE LEARNING CENTER*

**INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA),
BANGI**

**19 JULAI 2016 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI**

SALUTATION

YBHG. DATO' RUBIYAH BINTI ABD RAHMAN

Pengarah INFRA

Ketua-Ketua/wakil Jabatan dan Agensi KKLW

Setiausaha-Setiausaha Bahagian KKLW

YBHG. TUAN HAJI MOHAMAD SHAHAIMI BIN OTHMAN

Presiden Persatuan Ketua-Ketua Kampung Kebangsaan Se-Malaysia

AJK Persatuan Ketua-Ketua Kampung Kebangsaan

Peserta-peserta Kursus INFRA

Rakan-rakan Media; dan

Sidang Hadirin Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat berjumpa dalam majlis jamuan raya INFRA dan Pelancaran *Mobile Learning Center* pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada 220 orang JKKK dari negeri Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak serta wakil dari Sarawak dan Labuan yang berada di INFRA kerana mengikuti **Kursus Pengurusan Desa dan Pengurusan Kewangan & Perakaunan JKKK**. Saya difahamkan Pengarah INFRA bahawa ini adalah kursus pertama untuk tahun ini diadakan kepada JKKK disebabkan kekangan bajet.
2. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Persatuan Ketua Kampung negeri-negeri berserta Ahli Jawatankuasanya yang turut hadir pada hari ini. Semoga melalui majlis ini kita dapat meningkatkan kemesraan dan memperkukuhkan ukhuwah di antara warga KKLW dan kepimpinan akar umbi yang mewakili rakyat di luar bandar.
3. Di samping beramah mesra dalam jamuan raya, kita juga mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan **Mobile Learning Center** yakni unit latihan bergerak menggunakan bas yang diubahsuai dan dilengkapi dengan kemudahan latihan sebagai salah satu kaedah mempelbagaikan pendekatan latihan dan meningkatkan capaian latihan kepada kumpulan sasaran di luar bandar. Program latihan ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh INFRA.
4. **Mobile Learning Center** adalah salah satu inisiatif di bawah **Pelan Transformasi Luar Bandar Luar Bandar** yang telah saya lancarkan pada 20 November 2015. Objektif inisiatif ini adalah untuk memperbanyakkan pendampingan dan *touch point* bagi memudahcara dan mendekati rakyat serta menawarkan perkhidmatan latihan yang lebih berkesan. KKLW melalui INFRA akan memperbanyakkan aktiviti dan perkhidmatan yang lebih dekat kepada rakyat seperti membawa kepakaran dan melaksanakan latihan di kampung-kampung menggunakan *Mobile Learning Center*.
5. Sebagaimana saya maklumkan tadi, *Mobile Learning Center* ini melibatkan penggunaan bas sebagai medium menyampaikan latihan kepada masyarakat luar bandar. Setakat ini INFRA telah ada 2 unit bas di mana satu unit dihadiahkan oleh Mara Liner dan satu lagi ialah bas sedia ada INFRA. Bas ini akan diubahsuai menjadi sebuah bilik kuliah yang dilengkapi dengan kemudahan interaktif, kondusif dan mudah alih bagi menjalankan aktiviti latihan secara *in situ* di luar daripada suasana

monotonous bilik darjah. Ia menempatkan ruang pembelajaran, ruang utiliti/logistik dan ruang sajian.

6. Setakat ini sebuah bas telah pun diubahsuai manakala bas yang dihadihkan MARA akan diubahsuai apabila selesai proses tertentu mengikut prosedur yang perlu dipatuhi.

7. Konsep pembelajaran ini sebenarnya telah lama dipelopori oleh negara maju lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan juga India. Ia bukan sahaja dapat membawa suasana pembelajaran yang berbeza bahkan dapat mengurangkan kebergantungan kepada premis latihan di kampung-kampung. Yang lebih utama ia menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat untuk menyampaikan ilmu dan maklumat secara terus menggunakan kaedah alternatif yang lebih mesra rakyat.

8. Kita tidak mahu membataskan kaedah penyampaian pembelajaran kepada kumpulan sasaran menggunakan kaedah konvensional sahaja dan menjadikan isu kekurangan premis sebagai halangan. Pembelajaran tidak formal boleh dilaksanakan dalam pelbagai cara dan kaedah. Kepelbagaian kaedah penyampaian ini diharap dapat meningkatkan kecintaan rakyat kita khususnya di luar bandar kepada ilmu sekali gus menyemarakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

9. Kumpulan sasar Mobile Learning Center ialah:

- i. Biro dan Ahli JKKK
- ii. Belia desa
- iii. Biro dan Ahli Institusi desa
- iv. Usahawan kecil desa
- v. Mangsa Bencana
- vi. pelanggan berpotensi KKLW dan agensi

10. Pelaksanaan *Mobile Learning Center* memberi penekanan kepada dua pendekatan iaitu **bottom-up approach** dan **top-down approach** yang dijangka mampu menarik minat dan penglibatan rakyat serta menggambarkan kerajaan yang prihatin kepada rakyat. Pendekatan ini juga melibatkan sinergi dengan jabatan dan agensi lain untuk menghasilkan tindakan yang cepat, menjimatkan kos dan impak yang lebih besar.

11. InsyaAllah pada masa-masa akan datang program ini akan diperluaskan dan saya akan mengusahakan supaya lebih banyak unit bas bergerak dapat disediakan dengan harapan capaian liputan latihan dapat diperluaskan ke luar bandar.

12. Adalah diharapkan agar usaha KKLW untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di luar bandar mendapat sokongan penuh khususnya melalui kerjasama erat yang telah sekian lama terjalin bersama JKKK selaku ejen transformasi serta perantara kerajaan dan rakyat.

13. Akhir kata, marilah kita bersama mendukung dan menyokong dasar Kerajaan untuk menggarap wawasan negara maju tahun 2020.

Saya akhiri ucapan dengan **Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.